



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**


**6 OKTOBER 2021**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 790 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 202,668 kes. Sebanyak 14 kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu empat (4) kes di Sandakan, dua (2) kes di Kudat manakala Kota Kinabalu, Nabawan, Putatan, Ranau, Sipitang, Tawau, Tenom dan Tuaran masing-masing mencatatkan satu (1) kes kematian. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam ini. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 1,472 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 188,294 orang. Manakala 2,627 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 1,081 orang di hospital, 1,528 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 14 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara manakala empat (4) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 146 orang merangkumi 127 di ICU/repurposed kritikal care serta 19 di open ward (HDW/kubikel akut) dan 50 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (ventilated). Manakala bilangan pesakit stage empat (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 242 (58.74%).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 27 daerah

## 5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah

### i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Angka jangkitan di Negeri Sabah adalah tidak statik. Setelah mencatatkan peningkatan semalam, kumulatif kes pada hari ini merekodkan sedikit penurunan iaitu (-15) kes, menjadikan catatan pada hari ini sebanyak (790) kes.
- b. Sebagaimana jumlah penurunan dengan jumlah yang kecil pada hari ini, bilangan daerah yang mencatatkan penurunan kes adalah 15 daerah, manakala daerah dengan peningkatan kes adalah sebanyak 12 daerah.
- c. Pada hari ini, Kota Kinabalu mencatatkan angka kes tertinggi, kembali melepasi paras tiga (3) angka iaitu pada jumlah (102) kes dengan peningkatan sebanyak (+27) kes.
- d. Daerah lain yang mencatatkan peningkatan kes dengan ketara ialah Kota Marudu (+27) kes, Tuaran (+19) kes, Beluran (+17) kes, Sandakan (+11) kes dan Papar (+11) kes.
- e. Daerah yang mencatatkan penurunan tertinggi ialah Ranau (-22) kes, Keningau (-19) kes, Kota Belud (-17) kes, Tambunan (-15) kes, Pitas (-14) kes dan Beaufort (-13) kes.
- f. Status dan statistik pendaftaran kes-kes yang diumumkan hari ini menunjukkan cuma (494) kes atau 62.53% yang merupakan daftar kes sepanjang 24 jam yang lalu.
- g. 90.38% daripada jumlah kes pada hari ini adalah Kategori 1 dan Kategori 2 yang lazimnya hanya memerlukan rawatan sendiri dirumah sahaja atau di PKRC. Terdapat tujuh (7) kes dalam Kategori 3, lima (5) kes dalam Kategori 4 dan dua (2) kes dalam Kategori 5.

h. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang terus meningkat dan dengan jumlah catatan sebanyak (431) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Kategori Saringan</b>	<b>Bilangan Kes</b>	<b>Peratusan</b>
1	Kluster	4	0.51%
2	Bergejala	266	33.67%
3	Kontak	431	54.56%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain	89	11.27%
<b>JUMLAH</b>		<b>790</b>	<b>100%</b>

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (05 Oktober 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Daerah</b>	<b>Catatan Kes 05/10/2021</b>	<b>Catatan Kes 06/10/2021</b>	<b>Perbandingan</b>
1	Kota Marudu	59	86	+27
2	Kota Kinabalu	75	102	+27
3	Tuaran	25	44	+19
4	Beluran	7	24	+17
5	Sandakan	39	50	+11
6	Papar	18	29	+11
7	Kalabakan	0	6	+6
8	Tongod	5	9	+4
9	Penampang	14	17	+3
10	Kinabatangan	10	13	+3
11	Sipitang	19	20	+1
12	Kuala Penyu	4	5	+1
13	Ranau	87	65	-22
14	Keningau	59	40	-19
15	Kota Belud	60	43	-17
16	Tambunan	29	14	-15
17	Pitas	37	23	-14
18	Beaufort	29	16	-13
19	Putatan	24	15	-9
20	Lahad Datu	55	48	-7
21	Tawau	29	22	-7
22	Kudat	33	26	-7
23	Tenom	34	30	-4
24	Telupid	6	2	-4
25	Nabawan	19	16	-3
26	Kunak	17	15	-2
27	Semporna	12	10	-2
<b>JUMLAH</b>		<b>805</b>	<b>790</b>	<b>-15</b>

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (22 September – 05 Oktober)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	60	31	0	11	102	1,476
Ranau	0	51	6	0	8	65	951
Kota Belud	0	25	7	0	11	43	656
Keningau	0	20	16	0	4	40	943
Kota Marudu	0	51	33	0	2	86	873
Lahad Datu	0	21	21	0	6	48	1,002
Sandakan	0	22	15	0	13	50	864
Pitas	0	16	6	0	1	23	421
Tenom	0	20	8	0	2	30	441
Kudat	0	11	15	0	0	26	379
Tawau	0	4	14	0	4	22	524
Beaufort	0	10	6	0	0	16	224
Tambunan	0	12	2	0	0	14	169
Tuaran	0	22	19	0	3	44	695
Putatan	0	7	7	0	1	15	346
Nabawan	0	11	5	0	0	16	304
Sipitang	0	11	6	0	3	20	208
Papar	0	14	11	0	4	29	486
Kunak	0	8	5	0	2	15	161
Penampang	0	6	5	0	6	17	550
Semporna	0	0	7	0	3	10	144
Kinabatangan	4	5	4	0	0	13	501
Beluran	0	14	7	0	3	24	260
Telupid	0	1	0	0	1	2	157
Tongod	0	5	3	0	1	9	167
Kuala Penyu	0	2	3	0	0	5	54
Kalabakan	0	2	4	0	0	6	72
<b>JUMLAH</b>	<b>4</b>	<b>431</b>	<b>266</b>	<b>0</b>	<b>89</b>	<b>790</b>	<b>13,028</b>

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Kinabatangan	Kluster Desa Jeroco 2	4
<b>JUMLAH</b>		<b>4</b>

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 6,795 unit

- Hospital 1,965 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 4,130 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 672 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 38.66%.

## B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 6 OKTOBER 2021

### i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	767
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	3
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	7
Orang Dalam Tahanan /Banduan	13
<b>Jumlah</b>	<b>790</b>

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
WP Kuala Lumpur	2
Selangor	1
Sarawak	2
Perak	1
Pulau Pinang	1
<b>Jumlah</b>	<b>7</b>

Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	
Amerika Syarikat	1
Australia	1
China	1
<b>Jumlah</b>	<b>3</b>

### ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	749
Bukan Malaysia	41
<b>Jumlah</b>	<b>790</b>

### iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin	155
Belum Menerima Vaksin	190
Menerima 1 Dos	68
Lengkap 2 Dos	377
<b>Jumlah</b>	<b>790</b>

### iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	4
1 to 5	81
6 to 11	70
12 to 17	72
18 to 25	95
26 to 59	398
>60	70
<b>Jumlah</b>	<b>790</b>



### C BILANGAN LOKALITI PKPD MENGIKUT DAERAH

BIL	DAERAH	BILANGAN PKPD AKTIF (Setakat 06 Oktober 2021)
1	Ranau	3
2	Kota Belud	1
3	Tambunan	1
4	Telupid	1
<b>JUMLAH</b>		<b>6</b>

### D PENAMATAN PKPD

Setelah meneliti pembentangan oleh KKM mengenai situasi semasa, PKPD akan **DITAMATKAN** di lokaliti-lokaliti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Cadangan
1.	Perumahan Ladang FELDA Umas 6, Kalabakan	23 September 2021	Ditamatkan pada 6 Oktober 2021 seperti yang dijadualkan

### E STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 5 Oktober 2021 adalah seramai 22,894 orang. Daripada jumlah ini, seramai 18,112 orang adalah penduduk dewasa dan seramai 4,782 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 5 Oktober 2021 adalah seramai 2,344,926 orang. Ini meliputi 2,061,944 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 74.8% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 1,861,205 orang. Daripada jumlah ini, seramai 1,859,799 orang atau 67.4% adalah penduduk dewasa.

- 3 Seramai 282,982 orang atau 66.4% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 1406 orang setakat ini.

## **F BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Setakat hari ini, sejumlah **640,723** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

## **G LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sejumlah 38 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 17,880 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 65 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 61 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 13 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
- Sembilan (9) Orang : Individu Gagal Mendaftar Masuk Premis
  - Satu (1) Orang : Tidak Mematuhi Arahan Kawalan Pergerakan
  - Tiga (3) Orang : Individu Gagal Memakai Pelitup Muka
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 98 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 28 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
- i Sebanyak 1,001 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada kompaun dan notis/amaran dikeluarkan oleh PBT.

- ii Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 539 premis perniagaan dan 896 individu di 18 kawasan. Satu (1) kompaun dikenakan ke atas premis dengan kesalahan premis tidak menyediakan QR Code di Twentea, Damai. Dua (2) kompaun dikenakan ke atas individu dengan kesalahan individu gagal mendaftar masuk premis menggunakan aplikasi MySejahtera atau Buku Pendaftaran di Lia's Spice, Metro Town (1 Orang) dan City Link Express, Kolombong (1 Orang).
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 259 Premis Perniagaan melibatkan 139 anggota APM. Sebanyak tiga (3) Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 122 anggota di 162 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 13 premis, melibatkan 10 buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 52 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di empat (4) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 117 hebahan di seluruh Sabah.

## H KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 2

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 2 pada hari ini ialah **97%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kota Marudu	98%
2	Tenom	98%
3	Semporna	97.5%
4	Kudat	97.5%
5	Sandakan	97.5%
6	Tawau	97.5%
7	Kunak	97%
8	Beaufort	97%
9	Beluran	97%
10	Lahad Datu	97%
11	Keningau	97%
12	Kota Belud	97%
13	Penampang	97%
14	Kota Kinabalu	96.5%
15	Ranau	96.5%
16	Tuaran	96.5%
17	Sipitang	96.5%
18	Kinabatangan	96.5%
19	Papar	96.5%

2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Nota : Data yang lengkap akan dikongsi sebaik diterima.

**Sekian.**

**#SabahMajuJaya**

**#MalaysiaPrihatin**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**

**DAN**

**MENTERI KEWANGAN II**